

*Dikeluarkan pada September 2005*

*Disemak semula pada April 2012*

*Disemak semula pada Oktober 2017*

# **Prinsip-prinsip Tingkah Laku Korporat**

Epson akan memenuhi tanggungjawab sosialnya dengan mengamalkan kelakuan yang selari dengan prinsip di bawah berdasarkan pada "pengurusan berdasarkan kepercayaan," satu konsep yang menjadi asas Falsafah Pengurusan Epson.

Kami cuba mencipta nilai yang mengagumkan dan menggembirakan pelanggan kami, serta membantu untuk menjadikan dunia ini lebih baik. Pada masa yang sama, kami berharap untuk menjadi sebuah syarikat yang amat diperlukan, sebuah syarikat yang mengekalkan kepercayaan pemegang saham<sup>\*1</sup> dan yang wujud untuk kemanfaatan dunia.

Subjek prinsip adalah "kami" (iaitu Epson).

Ini menunjukkan komitmen kami sebagai sebuah syarikat yang menitikberatkan prinsip-prinsip ini. Ia juga bertindak sebagai deklarasi yang perlu diingati oleh semua kakitangan Epson, termasuklah pegawai, pengurus dan pekerja, agar bertindak selari dengan prinsip ini.

<sup>\*1</sup> Pemegang saham: Semua pihak yang berkepentingan, termasuk: pelanggan, pemegang saham, pelabur, komuniti, rakan kongsi perniagaan, NGO, NPO dan para pekerja.

## **Prinsip 1: Memenuhi kepuasan pelanggan**

## **Prinsip 2: Memelihara Alam Sekitar Semulajadi**

## **Prinsip 3: Memupuk nilai yang pelbagai dan kerja berpasukan**

## **Prinsip 4: Mewujudkan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan adil yang menghormati hak asasi manusia**

## **Prinsip 5: Memastikan pentadbiran yang efektif dan pematuhan**

## **Prinsip 6: Memastikan keselamatan pekerja, aset dan maklumat**

## **Prinsip 7: Bekerjasama dengan rakan kongsi perniagaan untuk manfaat bersama**

## **Prinsip 8: Membangun Bersama Komuniti**

## **Prinsip 9: Berdialog secara jujur dengan pihak berkepentingan**

## **Prinsip 1: Memenuhi kepuasan pelanggan**

**Kami mengekalkan perspektif pelanggan sepanjang masa dan terus mencipta produk dan perkhidmatan dipercayai yang menggembirakan pelanggan di seluruh dunia.**

- a) Kami akan memastikan bahawa semua produk dan perkhidmatan memenuhi piawai keselamatan dan alam sekitar yang diperlukan.
- b) Kami akan menilai jangkaan pelanggan dengan serius, mendengar masalah mereka dan memberikan pertimbangan yang ikhlas di atas komen dan cadangan mereka.
- c) Kami akan berusaha menyampaikan produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi yang memenuhi dan/atau menjangkaui jangkaan pelanggan kami.
- d) Kami akan mematuhi piawaian reka bentuk sejagat yang memaksimumkan kebolehgunaan produk dan memberikan pelanggan kami sesuatu yang mereka boleh hargai dan nikmati.
- e) Kami akan sentiasa memberikan produk dan perkhidmatan yang bernilai tinggi, bermanfaat dari segi sosial, inovatif dan berpatutan melalui program R&D yang dijalankan dari perspektif pelanggan, seperti program untuk menambah baik keupayaan pengeluaran di semua Epson Group.

\*\*\*\*\*

## **Prinsip 2: Memelihara Alam Sekitar Semulajadi**

**Kami mensasarkan keharmonian aktiviti korporat dan alam sekitar bumi, dan bergiat dengan aktif untuk perlindungan alam sekitar dengan matlamat yang tinggi.**

- a) Keseimbangan dengan alam sekitar merupakan salah satu keutamaan yang tertinggi dalam pengurusan Epson dan setiap aktiviti korporat akan mempertimbangkan masa depan generasi akan datang.
- b) Kami akan berusaha meminimumkan kesan persekitaran secara bersepadu yang meliputi keseluruhan kitar hayat produk dan perkhidmatan, dari pengeluaran ke pengangkutan, penggunaan dan pembuangan.
- c) Kami akan turut serta dalam projek pemeliharaan dan pemulihan persekitaran sebagai ahli masyarakat.
- d) Kami akan mempromosikan kesedaran alam sekitar dan memberi maklumat kepada setiap pekerja untuk meningkatkan pemahaman mengenai isu-isu alam sekitar.

## **Prinsip 3: Memupuk nilai yang pelbagai dan kerja berpasukan**

**Kami memperkuatkan kerja berpasukan dengan menggunakan sepenuhnya nilai pelbagai tenaga kerja dan mencipta sinergi antara individu dan organisasi.**

- a) Kami akan menanam dan mengamalkan ideal Falsafah Pengurusan.
- b) Kami akan meletakkan Epson di kedudukan yang terbaik dengan mengambil pekerja pelbagai dan menempatkan mereka di tempat yang betul.
- c) Kami menghormati identiti tersendiri pekerja dan mengekalkan hubungan antara syarikat dan pekerja yang berasaskan kepercayaan.
- d) Kami akan memajukan pekerja kami dengan mewujudkan sistem yang membolehkan para pekerja menggunakan kemahiran mereka dengan berkesan.
- e) Kami akan mewujudkan budaya di mana pekerja boleh berbangga dengan hasil kerja mereka, bekerja dengan penuh keyakinan dan menggalakkan kerja berpasukan dengan aktif.

\*\*\*\*\*

## **Prinsip 4: Mewujudkan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan adil yang menghormati hak asasi manusia**

**Kami menghormati hak asasi manusia dan mewujudkan persekitaran kerja yang seronok, selamat, sihat dan adil yang bebas daripada diskriminasi.**

- a) Kami tidak akan bertolak ansur dengan sebarang pelanggaran hak asasi manusia.
- b) Tidak sekali-kali menggunakan tenaga buruh kanak-kanak dan tenaga buruh paksaan.
- c) Kami akan mengambil tindakan pembetulan dengan segera ke atas tingkah laku yang tidak diingini seperti gangguan, pencabulan, merendahkan maruah individu atau sebarang tingkah laku yang mengakibatkan kehilangan kepercayaan.
- d) Menolak sama sekali diskriminasi terhadap jantina, kewarganegaraan, agama, bangsa, dan kurang keupayaan.
- e) Menjadikan realiti cara bekerja yang dapat mengimbangi kerja dan kehidupan (keseimbangan kerja dan keluarga, kehidupan peribadi).
- f) Kami akan mematuhi dan mengekalkan piawaian kesihatan dan keselamatan di semua tapak kerja di seluruh dunia.
- g) Kami akan melaksanakan program yang menyokong kesejahteraan mental dan fizikal pekerja kami.
- h) Kami akan mewujudkan amalan yang mencipta persekitaran kerja yang adil dan terbuka, dan membina budaya korporat yang menghargai hak individu dan memberi peluang sama rata untuk semua.

## **Prinsip 5: Memastikan pentadbiran yang efektif dan pematuhan**

**Kami akan menerapkan pentadbiran korporat dan kawalan dalaman yang efektif, dan mematuhi undang-undang, peraturan dan mengekalkan etika tertinggi dalam semua aktiviti.**

- a) Kami akan mewujudkan dan mengekalkan sistem yang efektif yang mentadbir entiti korporat dan kawalan dalaman kami bagi memastikan pengurusan yang telus, adil, pantas dan muktamad.
- b) Kami akan melaksanakan sistem pematuhan bagi memastikan kami mematuhi dan menghormati undang-undang dan peraturan setiap negara dan rantau di mana kami beroperasi, peraturan dalaman dan dalam etika perniagaan.
- c) Kami tidak akan bertolak-ansur dengan sebarang bentuk sogokan, rasuah, pemasaran tidak jujur, kartel atau perdagangan orang dalam. Kami akan melakukan semua transaksi berpandukan prinsip-prinsip ini, menggalakkan persaingan yang adil dan terbuka di pasaran.
- d) Kami akan sentiasa mengekalkan hubungan dua hala yang sihat dengan pihak kerajaan dan badan-badan penguatkuasaan yang lain.
- e) Kami tidak akan melibatkan diri atau mempunyai hubungan dengan mana-mana gerakan atau kumpulan antisosial yang menggalakkan aktiviti haram atau mengancam keselamatan dan ketenteraman awam.
- f) Kami akan mananam amalan terbaik dalam pengurusan risiko bagi mencegah risiko daripada berlaku dan meminimumkan impak sekiranya ia menjadi kenyataan.



## **Prinsip 6: Memastikan keselamatan pekerja, aset dan maklumat**

**Kami melindungi keselamatan pekerja dan aset syarikat, dan mengamalkan penjagaan yang ketat dalam pengurusan semua maklumat.**

- a) Kami akan mewujudkan dan menyelenggara sistem bagi memastikan keselamatan kakitangan Epson, serta pelawat atau kontraktor di premis kami.
- b) Kami akan mengendalikan semua aset yang nyata dan tidak nyata dengan berhati-hati (kewangan, intelek, dan semua aset berkaitan infrastruktur, jenama dan maklumat proprietari) dan menghormati aset orang lain.
- c) Kami akan mengambil sikap berhati-hati yang sewajarnya untuk melindungi kerahsiaan maklumat perniagaan proprietari termasuk privasi pelanggan, pekerja dan pemegang saham yang lain.
- d) Kami hanya akan menggunakan aset syarikat kami (semua bentuk yang dinyatakan di atas) untuk tujuan perniagaan yang sesuai. Kami tidak berkompromi dengan penggunaan tanpa izin.

## **Prinsip 7: Bekerjasama dengan rakan kongsi perniagaan untuk manfaat bersama**

**Kami memperoleh manfaat bersama dengan pembekal, saluran jualan, rakan usaha sama, dan rakan kongsi perniagaan lain. Kami meminta mereka memenuhi piawai kelakuan beretika tertinggi dan pada masa yang sama menghormati autonomi dan kebebasan mereka.**

- a) Sogokan dan pakatan sulit dengan rakan kongsi perniagaan ditegah sama sekali. Kami akan turut serta dalam amalan perniagaan yang bijak dan meminta rakan kongsi perniagaan mematuhi dasar tidak bertoleransi berkaitan amalan perniagaan yang tidak sah dan tidak beretika.
- b) Kami akan meminta rakan kongsi perniagaan kami mematuhi piawai ketat yang ditegakkan oleh Epson berkaitan dengan pematuhan undang-undang, dan penghormatan hak asasi manusia, keadaan kerja yang sesuai, persekitaran, etika, kualiti, serta keselamatan maklumat. Epson akan menyokong penambahbaikan ke atas mana-mana bidang ini jika perlu.
- c) Kami akan membangunkan dan mengekalkan hubungan terbuka dengan rakan kongsi perniagaan dan bekerjasama dengan mereka untuk meningkatkan daya saing keseluruhan rantaian bekalan, atas dasar saling mempercayai dan untuk manfaat bersama .

\*\*\*\*\*

## **Prinsip 8: Membangun Bersama Komuniti**

**Kami akan menyumbang secara aktif kepada komuniti di tempat kami beroperaasi, serta komuniti antarabangsa untuk manfaat bersama.**

- a) Kami akan menghormati budaya dan tradisi negara dan wilayah tempat kami beroperasi.
- b) Kami akan berdialog secara terbuka dengan komuniti (komuniti serantau dan negara-negara di dunia) dan bergiat dengan aktif dalam aktiviti yang menyumbang kepada masyarakat.
- c) Kami akan memupuk budaya serta menyediakan sistem sokongan untuk menggalakkan pekerja untuk menyertai program sukarela dan aktiviti lain yang menyumbang kepada masyarakat.

## **Prinsip 9: Berdialog secara jujur dengan pihak berkepentingan**

**Kami mengamalkan komunikasi secara terbuka dengan semua pihak berkepentingan dan mempertimbangkan dengan teliti pandangan dan cadangan mereka.**

- a) Kami akan menghormati budaya dan tradisi lain dan pada masa yang sama berusaha untuk terlibat dalam komunikasi yang berprinsip dan beretika.
- b) Kami akan berkomunikasi secara jujur dan terbuka dengan semua pihak berkepentingan dan menubuhkan sistem yang sesuai untuk pendedahan maklumat.
- c) Kami akan menggunakan peralatan yang sesuai dan berguna untuk menyampaikan maklumat kepada pihak berkepentingan.
- d) Kami akan menyediakan peluang dan mewujudkan sistem yang sesuai untuk turut serta dalam dialog dengan pihak berkepentingan.
- e) Mengaplikasikan pendapat pemegang berkepentingan sebagai sumber maklumat yang penting untuk pengurusan.